

## BUKU A

Setiap item dari SOALAN 1 hingga SOALAN 23, diberi empat pilihan. Hanya satu daripada empat pilihan itu merupakan jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul dan lorek bujuran berangka (1, 2, 3 atau 4) berdasarkan pilihan kamu itu di Kertas Jawapan Optikal (OAS) yang disediakan.

### IMBUHAN (20 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Tabiat membaca amat penting untuk melahirkan masyarakat yang berilmu. Pelbagai ilmu pengetahuan sama ada yang (1) _____ dengan sains, sejarah, bahasa dan lain-lain lagi boleh diraih hanya dengan membaca.	<b>1</b> (1) berkaitan (3) kaitan (2) dikaitkan (4) mengaitkan
Kanak-kanak yang banyak membaca akan (2) _____ turur kata yang lebih matang (3) _____ dengan rakan sebaya mereka yang kurang membaca. Hal ini adalah (4) _____ mereka bukan sahaja mengetahui perkara yang berlaku di (5) _____ mereka tetapi turut peka akan peristiwa yang berlaku di luar (6) _____ tempat tinggal mereka.	<b>2</b> (1) diujarkan (3) pengujaran (2) mengujarkan (4) ujaran  <b>3</b> (1) bandingan (3) dibandingkan (2) berbanding (4) perbandingan  <b>4</b> (1) bersebab (3) menyebabkan (2) disebabkan (4) penyebab  <b>5</b> (1) berkeliling (3) pekeliling (2) mengelilingkan (4) sekeliling
Ibu bapa memainkan peranan penting dalam (7) _____ minat membaca dalam kalangan anak-anak. Bahan-bahan bacaan untuk anak-anak hendaklah ibu bapa (8) _____. Bahan-bahan tersebut pula haruslah sesuai dengan (9) _____ dan minat anak-anak agar mereka tidak perlu ke tempat yang lebih jauh untuk mendapatkan bahan bacaan. Situasi ini akan menjadi (10) _____ untuk mereka membiasakan diri dengan buku. Keluarga juga boleh berkumpul dan membuat sesi membaca bersama-sama.	 <b>6</b> (1) lingkungan (3) selingkung (2) melingkung (4) terlingkung  <b>7</b> (1) bertanam (3) menanam (2) ditanam (4) tanaman  <b>8</b> (1) kesediaan (3) sediakan (2) persediaan (4) tersedia  <b>9</b> (1) berupaya (3) pengupayaan (2) keupayaan (4) terupaya  <b>10</b> (1) dirangsang (3) perangsang (2) merangsang (4) terangsang

## PERIBAHASA ( 10 markah)

**ARAHAN :** Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Linda dan Hidayah berkawan baik sejak darjah satu. Hubungan mereka (11) <u>bagai isi dengan kuku</u>. Selepas tamat pengajian di politeknik, kedua-dua mereka sering (12) <u>mengerjakan sesuatu yang sia-sia</u> seperti menghabiskan masa bersempang di restoran makanan segera ataupun merayau-rayau di pusat beli-belah.</p> <p>Pada suatu hari, komputer Linda rosak. Hidayah cuba membetulkannya kerana kononnya dia pandai dalam bidang komputer tetapi usahanya gagal. Linda berasa marah terhadap Hidayah kerana sikapnya umpama (13) <u>orang yang cuba membaiki sesuatu yang tidak diketahui, akhirnya merosakkannya</u>.</p> <p>Hidayah berasa sedih dan bersalah. Dia yang sebenarnya (14) <u>ikhlas</u> ingin menolong Linda tidak menyangka kawannya itu akan memutuskan persahabatan mereka hanya kerana kejadian itu.</p> <p>Hidayah sedar akan kesilapannya. Dia cuba (15) <u>mengorak langkah</u> untuk memperbaiki keadaan. Dia tidak mahu disebabkan perkara yang kecil, persahabatan mereka yang sudah terjalin sekian lama terputus begitu sahaja.</p>	<p><b>11</b> (1) sangat rapat (2) sangat ceria (3) saling bekerjasama (4) saling bantu-membantu</p> <p><b>12</b> (1) seperti kacang lupukan kulit (2) bagai dakwat dengan kertas (3) seperti anjing dengan kucing (4) bagai menghitung bulu kambing</p> <p><b>13</b> (1) seperti lipas kudung (2) bagai tikus membaiki labu (3) bagai pahat dengan penukul (4) seperti katak di bawah tempurung</p> <p><b>14</b> (1) putih hati (2) kata putus (3) panjang akal (4) memerah otak</p> <p><b>15</b> (1) belajar (2) bertugas (3) berikhtiar (4) bertungkus-lumus</p>
--	--

## GOLONGAN KATA ( 10 markah )

**Arahan :** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan

<p>Hatiku tergerak untuk menoleh ke belakang. Aku sangat terkejut apabila terpandang Rahim sedang mengunyah gula-gula.</p> <p>“ Mengapa Rahim begitu berani? Tidakkah dia tahu bahawa dia perlu (16) _____ peraturan sekolah?” bisik hatiku.</p> <p>Aku harus lakukan sesuatu. Aku mahu menjadi seperti Mastura. Mastura ketua pengawas (17) _____ pandai mencari penyelesaian tanpa menyinggung perasaan seseorang. Semasa waktu rehat, aku mendekati Rahim. Wajah Rahim kelihatan (18) _____ sebaik sahaja melihatku. Matanya terbeliaik memandang aku. Belum (19) _____ aku berkata apa-apa, Rahim pun bersuara.</p> <p>“ Jangan beritahu Cikgu Zainal apa yang berlaku tadi. Jika tidak, kamu akan menyesal nanti!” Rahim memberikan (20) _____ kepadaku.</p> <p>Aku seolah-olah tidak percaya dengan apa yang aku dengar tadi. Dengan kecewa, aku angkat kaki dari kantin.</p>	<p><b>16</b> (1) mematuhi  (2) mengekori  (3) mencontohi  (4) mengawasi</p> <p><b>17</b> (1) yang  (2) untuk  (3) kerana  (4) supaya</p> <p><b>18</b> (1) sebak  (2) marah  (3) cemas  (4) selamba</p> <p><b>19</b> (1) letih  (2) puas  (3) pasti  (4) sempat</p> <p><b>20</b> (1) amaran  (2) teguran  (3) perintah  (4) syarahan</p>
---	---

karangan di bawah ini.

## **KEFAHAMAN 1 (10 markah)**

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Alam sekitar merujuk kepada keadaan semula jadi yang ada di sekeliling kita. Kehidupan manusia banyak bergantung kepada sumber-sumber semula jadi di muka bumi ini. Bumi yang luas ini merupakan tempat tinggal manusia di mana tumbuh-tumbuhan dijadikan sebagai sumber makanan dan ubat-ubatan kepada kehidupan, demikian juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidup-hidupan di lautan. Malangnya, aktiviti-aktiviti pembangunan negara dan kehidupan sehari-hari kita sedikit sebanyak boleh menjelaskan alam sekitar di negara kita jika tidak dijaga dengan baik. Oleh itu adalah **penting** bagi kita untuk menyemai sikap prihatin rakyat Singapura terhadap alam sekitar.

Rakyat Singapura akan menjadi lebih prihatin terhadap alam sekitar sekiranya mereka sedar bahawa pencemaran alam hanya akan menjejas kesejahteraan kehidupan mereka. Persekutuan yang hijau yang kita nikmati sekarang ini memerlukan masa puluhan tahun untuk diwujudkan. Bayangkan, sesetengah pokok memerlukan lebih daripada seratus tahun untuk membesar! Hanya setelah persekitaran hijau pulih, habitat kehidupan seperti serangga dan haiwan akan kembali seperti sedia kala. Oleh itu, jika alam sekitar tidak dijaga dengan baik, rakyat Singapura akan mengalami kerugian besar.

Ada sesetengah rakyat Singapura sedar akan perkara ini. Namun ramai pula yang harus disedarkan melalui program-program pendidikan secara formal dan tidak formal. Beberapa program kesedaran telah dijalankan di peringkat sekolah, komuniti dan negara bagi menyemai sikap keprihatinan rakyat Singapura. Antaranya ialah program-program seperti Hari Bumi, Kitar Semula dan projek penanaman pokok. **Ini semua** diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat Singapura agar lebih prihatin terhadap alam sekitar mereka.

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

**21** Kehidupan manusia di bumi bergantung kepada \_\_\_\_\_.

- (1) ubat-ubatan
- (2) tumbuh-tubuhan
- (3) hidup-hidupan di laut
- (4) sumber-sumber semula jadi

**22** Persekutaran yang hijau harus dijaga supaya \_\_\_\_\_.

- (1) keadaan sebegini boleh wujud selama puluhan tahun
- (2) kerugian di hari muka tidak akan ditanggung oleh manusia
- (3) habitat kehidupan seperti serangga dan haiwan boleh wujud
- (4) sesetengah pokok yang berusia seratus tahun boleh membesar

**23** ‘Ini semua’ dalam perenggan ketiga merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- (1) program-program pendidikan
- (2) program-program untuk komuniti
- (3) program-program secara formal dan tidak formal
- (4) program-program kesedaran tentang alam sekitar

**24** Kita harus menyemai sikap prihatin terhadap alam sekitar supaya \_\_\_\_\_.

- (1) aktiviti pembangunan tidak terjejas
- (2) tempat tinggal manusia tidak terjejas
- (3) kesejahteraan dan kehidupan kita tidak terjejas
- (4) kehidupan tumbuh-tumbuhan dan haiwan tidak terjejas

**25** Perkataan **penting** dalam perenggan pertama bermaksud \_\_\_\_\_.

- (1) perlu
- (2) harus
- (3) utama
- (4) mustahak